

MEDIA RELEASE

15 Mei 2015

Anugerah Guru Arif Budiman 2015

1. Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM) dan Berita Harian (BH), dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC), akan menganjurkan Anugerah Guru Arif Budiman 2015.
2. Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf guru-guru Bahasa Melayu daripada sekolah-sekolah arus utama di sekolah rendah dan menengah serta guru-guru pra-universiti atas sumbangan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah.
3. Sejumlah empat anugerah daripada dua kategori akan diberikan. Anugerah Guru Arif Budiman (Teladan) diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya 10 tahun. Anugerah Guru Arif Budiman (Perangsang) pula diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru kurang daripada 10 tahun.

Anugerah		Sekolah Rendah	Sekolah Menengah & Prauniversiti
1	Anugerah Guru Arif Budiman - Teladan	1	1
2	Anugerah Guru Arif Budiman - Perangsang	1	1
	Jumlah	2	2

4. Calon-calon akan dinilai berdasarkan keupayaan mereka meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, kesusteraan Melayu dan budaya Melayu. Sikap, dedikasi dan ketekalan calon dalam mencapai kecemerlangan terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam dan di luar bilik darjah juga akan dijadikan landasan penilaian. Pada masa yang sama, kepekaan dan keprihatinan calon terhadap kebajikan pelajar serta ceminan nilai 'Arif' dan 'Budiman' melalui khidmat yang cemerlang sebagai pendidik akan dipertimbangkan.

5. Pencalonan dibuka dari **15 Mei 2015** hingga **10 Julai 2015**. Pencalonan boleh dibuat oleh pemimpin sekolah, guru, pelajar, ibu bapa, dan masyarakat umum dengan menggunakan borang pencalonan rasmi.

6. Borang pencalonan rasmi akan disiarkan melalui media massa dan akan diedarkan ke semua sekolah arus utama. Borang pencalonan juga boleh dimuat turun dari lelaman-lelaman yang berikut:

mbms.sg

beritaharian.sg

nie.edu.sg

mlpc.sg

7. Setiap pencalonan hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

8. Hanya borang pencalonan rasmi sahaja yang akan diterima.

Majlis Bahasa Melayu Singapura

Persatuan Guru Bahasa Melayu

Berita Harian

Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Sekretariat AGAB 2015

Majlis Bahasa Melayu Singapura

c/o National Heritage Board

61 Stamford Road

#03-08

Stamford Court

Singapore 178892

Alamat e-mel: nhb_malaylanguagecouncil@nhb.gov.sg